

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

1. Pengenalan

Beam menghormati privasi anda dan berkomited untuk melindungi Data Peribadi anda.

Notis privasi ini akan maklumkan anda tentang cara-cara kami mengumpul, mengguna, mendedah, memproses, mengurus dan memindah Data Peribadi anda apabila anda menggunakan laman web dan/atau aplikasi telefon kami (tanpa mengendahkan dari mana anda melayari), memberikan kami Data Peribadi, menghantar e-mel kepada kami kepada alamat e-mel yang disediakan di laman web kami atau berdaftar dengan kami sebagai seorang pelanggan, pembekal, kontraktor, pemohon untuk menyertai kumpulan kami, atau sebagai seorang Charger. Notis ini juga menjelaskan tentang hak-hak privasi anda.

Senarai Istilah di bawah menjelaskan maksud sesetengah terma yang dipakai di dalam notis privasi ini.

Notis ini perlu dibaca bersama-sama dengan mana-mana notis privasi lain atau notis pemprosesan adil yang mungkin kami berikan pada masa-masa khusus dan Polisi Cookie kami supaya anda mengetahui cara-cara dan sebab kami menggunakan Data Peribadi anda. Notis privasi ini wujud selari dengan mana-mana notis-notis dan polisi-polisi berkenaan tetapi tidak bertujuan untuk mengatasi mereka.

Laman web dan aplikasi kami mungkin termasuk pautan-pautan luar kepada laman web lain, palam-palam (*plug-in*) dan aplikasi-aplikasi yang lain. Pihak-pihak Ketiga mungkin dibenarkan untuk mengumpul atau mengkongsi Data Peribadi anda atau maklumat mengenai anda sekiranya anda klik pautan-pautan tersebut ataupun membolehkan sambungan-sambungan tersebut. Kami tidak mengawal mereka dan tidak bertanggungjawab atas aktiviti-aktiviti mereka kerana, apabila anda meninggalkan laman web kami, polisi-polisi privasi tersendiri mereka akan digunakan.

2. Siapakah kami

Beam terdiri daripada entiti undang-undang yang berlainan, butiran berkenaan boleh didapati di www.ridebeam.com. Notis Privasi ini dikeluarkan bagi pihak Beam Group, apabila istilah "**Beam**" atau "**kami**" digunakan di dalam notis privasi ini, kami merujuk kepada syarikat berkenaan di dalam Beam Group yang bertanggungjawab untuk memproses Data Peribadi anda. Beam Mobility Holdings Pte Ltd adalah pengawal dan bertanggungjawab untuk laman web ini dan aplikasi kami dalam semua perkara.

3. Siapakah yang menguruskan privasi di Beam – Pegawai Perlindungan Data kami

Kami mempunyai seorang Pegawai Perlindungan Data ("**PPD**") yang bertanggungjawab untuk mengawasi privasi di Beam. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, komen atau cadangan tentang cara kami mengumpul, mengguna atau mendedah Data Peribadi anda atau tentang notis privasi ini atau anda ingin melaksanakan hak-hak anda mengenai Data Peribadi yang kami menyimpan, sila menghubungi PPD kami melalui butiran di bawah.

Nama penuh entiti undang-undang: Beam Mobility Holdings Pte Ltd

Jawatan PPD: General Counsel

E-mel: dpo@ridebeam.com

Alamat: 15 Beach Road #02-01, Singapore, 189677

Anda mempunyai hak untuk membuat aduan pada bila-bila masa kepada Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi di Singapura melalui www.pdpc.gov.sg atau pengatur privasi yang lain (seperti dinyatakan dalam bahagian Bidang Kuasa Lain di bawah). Namun sedemikian, kami menghargai peluang untuk berurusan dengan kebimbangan anda sebelum anda menghubungi satu pengatur privasi dan disebabkan itu, kami menggalakkan anda untuk menghubungi kami terlebih dahulu.

4. Perubahan pada notis privasi dan tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada kami tentang perubahan tersebut

Versi notis privasi ini terakhir dikemaskini pada 29 November 2018. Notis privasi ini mungkin dikemaskini dari semasa ke semasa. Segala komunikasi, transaksi dan urusan dengan kami hendaklah tertakluk kepada versi polisi terkini yang berkuatkuasa pada masa itu.

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

5. Perubahan kepada Data Peribadi anda

Ia adalah penting bahawa Data Peribadi anda yang kami memperolehi adalah tepat, semasa, terkini dan tidak mengelirukan. Sila maklumkan kami sekiranya terdapat perubahan kepada Data Peribadi anda sepanjang masa dengan kami. Sebarang penyerahan maklumat palsu atau yang tidak benar mungkin menyebabkan ketidakupayaan kami untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang anda ingin mendapatkan. Anda boleh mengakses, mengemaskini dan membetulkan Data Peribadi anda dengan mengakses akaun yang didaftarkan dengan kami melalui laman web atau aplikasi telefon. Sekiranya anda tidak mempunyai akaun dengan kami, anda boleh membuat sedemikian dengan menghubungi kami (sila lihat bahagian “Siapakah yang menguruskan privasi di Beam” di atas).

6. Apakah Data Peribadi yang kami kumpul dan bagaimana kami mengumpulkannya

Kami boleh mengumpul, mengguna, menyimpan dan memproses, dan memindahkan pelbagai jenis Data Peribadi tentang anda seperti berikut:

Jenis dan contoh Data Peribadi anda	Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda
<ul style="list-style-type: none"> - <u>Data Identiti dan Profil</u> <ul style="list-style-type: none"> o Nama, tarikh lahir, jantina, nama pengguna, kata laluan, lokasi, mana – mana kaji selidik atau maklum balas yang diterima daripada anda. o Sekiranya anda adalah seorang Charger atau pembekal, kami juga boleh mengumpul informasi nombor kad pengenalan pendaftaran nasional, nombor pengenalan asing, maklumat passport atau maklumat permit kerja. o Sekiranya anda adalah seorang pemohon untuk menyertai kumpulan kami, maka terpulang kepada jawatan yang sedang dipertimbangkan, kami juga boleh mengumpul butir-butiran mengenai bangsa atau etnik anda, perujuk-perujuk, aspirasi kerjaya, curriculum vitae, rekod pekerjaan, rekod pendidikan dan pelatihan, prestasi kerja, pautan-pautan kepada profil profesional anda yang boleh didapati di domain-domain awam, rekod kesihatan anda (termasuk butir-butiran cuti sakit yang diambil dan juga sebarang kecacatan), butir-butiran kesalahan yang dilakukan atau dituduh dilakukan oleh anda, sama ada anda adalah seorang ahli persatuan profesional atau persatuan perdagangan, atau butir-butiran yang 	<ul style="list-style-type: none"> - <u>Interaksi Langsung</u> <ul style="list-style-type: none"> o Anda boleh memberi kami Data Peribadi anda dengan memfailkan dan menghantar borang – borang atau dengan menghubungi kami melalui telefon, surat, emel, mesyuarat bersemuka dll. Ini merangkumi Data Peribadi yang anda berikan semasa anda mendaftar untuk menggunakan produk atau servis atau sebuah akaun dengan kami, atau sebagai seorang Charger atau pembekal, atau sekiranya anda memohon untuk menyertai kumpulan kami, atau semasa anda membuat suatu akaun dengan kami termasuk di laman web atau aplikasi kami. - <u>Teknologi Automatik atau interaksi</u> <ul style="list-style-type: none"> o Apabila anda berinteraksi dengan laman web atau aplikasi, kami boleh mengumpul Data Teknikal mengenai peralatan, tindakan-tindakan melayari dan corak anda secara automatik. Kami mengumpul Data Peribadi ini dengan menggunakan cookie (<i>cookie</i>), server log dan lain-lain teknologi yang sama. Sila lihat bahagian cookie di bawah untuk maklumat lanjut. - <u>Pihak ketiga atau sumber yang boleh didapati secara terbuka</u> <ul style="list-style-type: none"> o Kami boleh menerima Data Peribadi mengenai anda daripada pelbagai pihak ketiga dan sumber umum seperti yang dinyatakan di bawah:

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

Jenis dan contoh Data Peribadi anda	Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda
<p>diperlukan untuk mengawasi pematuhan dengan polisi peluang setara.</p> <ul style="list-style-type: none"> - <u>Data Perhubungan</u> <ul style="list-style-type: none"> o Alamat mel atau alamat billing, alamat emel dan nombor – nombor telefon. - <u>Data Kewangan dan Transaksi</u> <ul style="list-style-type: none"> o Maklumat kad kredit dan maklumat bank akaun yang sulit, pembayaran kepada dan daripada anda, pesanan produk/servis anda daripada kami - <u>Data Teknikal</u> <ul style="list-style-type: none"> o Alamat Protokol Internet (IP), data log masuk, maklumat pelayaran/peranti anda dan zon masa anda dan lokasi - <u>Data Penggunaan</u> <ul style="list-style-type: none"> o Maklumat anda mengenai penggunaan laman sesawang kami dan aplikasi, dan penggunaan servis kami oleh anda termasuk lokasi anda ketika anda menggunakan servis kami atau melaksanakan servis kami sebagai Charger atau pembekal kepada kami atau untuk memproses aplikasi anda untuk menyertai kumpulan kami. - <u>Data Pemasaran</u> <ul style="list-style-type: none"> o Pilihan anda dalam menerima pemasaran daripada kami dan pihak ketiga dan pilihan komunikasi anda - <u>Data Agregat</u> <p>Kami juga mengumpul, menggunakan dan berkongsi data agregat seperti statistik atau data demografik yang diperolehi daripada Data Peribadi anda (walaupun ini bukan merupakan Data Peribadi sekiranya ia tidak secara langsung atau tidak langsung mendedahkan identiti anda.) Sekiranya kami menggabungkan atau menyambungkan Data Agregat dengan Data Peribadi anda agar ia dapat secara langsung atau tidak langsung mengenal pasti anda, kami melayan data gabungan sebagai Data Peribadi.</p> <ul style="list-style-type: none"> - <u>Kategori-Kategori Khas Data Peribadi</u> <ul style="list-style-type: none"> o Kami tidak mengumpul sebarang Data Peribadi Kategori-Kategori Khas tentang anda (ini termasuk butiran tentang bangsa atau etnik anda, kepercayaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Data Identiti dan Profil, Data Perhubungan, dan Data Teknikal daripada parti-parti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) pembekal analitik seperti Google; (b) laman-laman sesawang syarikat-syarikat; (c) Sesiapa individu dan sebarang sumber-sumber dengan kaitan profesional yang boleh didapati secara awam untuk melakukan penilaian kelayakan atau untuk semakan rujukan atas pemohon-pemohon ~ atau sebagai pembekal atau sebagai Charger untuk kami, seperti rujukan-rujukan yang anda telah membekalkan atau anda dicadangkan oleh seorang kawan, bekas majikan, bekas rakan sekerja, majikan semasa, atau nama-nama perujuk di dalam boring aplikasi atau CV anda. (d) pengiklanan dan rangkaian sosial seperti Facebook, Twitter dan LinkedIn; dan (e) pembekal maklumat pencarian seperti Google • Data Perhubungan, Kewangan dan Transaksi daripada pembekal teknikal, servis pembayaran dan penghantaran seperti Adyen dan syarikat-syarikat insurans, pembekal servis professional, pembekal servis cloud dan pembekal telekomunikasi. • Data Identiti dan Perhubungan daripada broker-broker dan agregat-agregat data.

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

Jenis dan contoh Data Peribadi anda	Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda
agama atau falsafah, kehidupan seks, orientasi seksual, pendapat politik, keahlian kesatuan sekerja, informasi tentang kesihatan anda dan data genetik dan biometrik).	

7. Sekiranya anda tidak memberi Data Peribadi kepada kami

Di mana kami perlu mengumpul Data Peribadi mengikut undang-undang atau di bawah syarat-syarat kontrak yang kami sedia ada dengan anda dan di mana anda tidak memberikan Data Peribadi apabila diminta, ini boleh :-

- (a) menyebabkan ketidakupayaan kami untuk melaksanakan kontrak yang kami sedia ada dengan anda atau kontrak yang kita sedang cuba masuk dengan anda (sebagai contoh, untuk memberi anda produk atau perkhidmatan yang diminta atau untuk membayar anda sekiranya anda adalah pembekal atau Charger).
- (b) menyebabkan ketidakupayaan kami untuk maklumkan anda mengenai produk, perkhidmatan dan/atau pelancaran kami yang terkini;
- (c) menyebabkan ketidakupayaan anda untuk memasuki atau mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kami.

Dalam kes ini, kami mungkin perlu membatalkan produk, perkhidmatan, pembekalan, pesanan, akaun atau transaksi anda dengan kami, namun kami akan maklumkan anda pada masa tersebut sekiranya tindakan sedemikian diambilkan.

8. Cara-cara dan sebab kami menggunakan Data Peribadi anda

Secara umumnya, kami tidak bergantung kepada persetujuan anda sebagai dasar undang-undang untuk memproses Data Peribadi anda (kecuali untuk menamatkan komunikasi pemasaran langsung pihak ketiga kepada anda melalui emel atau mesej teks atau, apabila diperlukan untuk berbuat demikian di sisi undang-undang, untuk memindahkan data anda secara antarabangsa). Anda berhak pada bila-bila masa untuk menarik balik persetujuan anda yang diberikan kepada pemasaran langsung kami atau pihak ketiga dengan menghubungi kami di dpo@ridebeam.com.

Cara-cara kami berancang untuk menggunakan Data Peribadi anda serta dasar undang-undang yang kami bergantung untuk berbuat demikian atau di mana kami telah mengenal pasti bahawa kami mempunyai Kepentingan Sah dalam pemrosesan demikian adalah dinyatakan di bawah.

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

Kami hanya akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan kami mengumpulnya, kecuali kami dengan munasabahnya menganggap bahawa kami perlu menggunakannya bagi alasan yang lain dan alasan tersebut adalah serasi dengan tujuan asal. Sila hubungi dop@ridebeam.com sekiranya anda ingin mendapatkan penjelasan atas bagaimana pemprosesan data sehubungan dengan tujuan baharu adalah serasi dengan tujuan asal.

Sekiranya kami perlu menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan yang tidak berkaitan, kami akan maklumkan anda dan akan menerangkan dasar undang-undang yang membenarkan kami berbuat demikian. Kami juga boleh memproses Data Peribadi anda tanpa pengetahuan atau persetujuan anda dalam pematuhan proses undang-undang di mana pemprosesan tersebut adalah dikehendaki atau dibenarkan di bawah undang-undang.

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

Sebab/aktiviti untuk mengumpul/menguna Peribadi kamu Data	Jenis Data Peribadi	Asas kami yang sah untuk pemprosesan termasuk apa-apa asas sah yang bergantung pada Kepentingan Sah kami untuk memproses Data Peribadi
Untuk mendaftar anda sebagai pelanggan baru, pemohon, ataupun Charger ataupun pembekal dan menyediakan perkhidmatan dan bantuan untuk akaun.	(a) Identiti dan Profil (b) Maklumat hubungan	(a) Pelaksanaan kontrak dengan anda (b) Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk penilaian aplikasi anda untuk menyertai kami sebagai Charger atau pembekal)
Untuk memproses transaksi dan menyampaikan barangan dan perkhidmatan termasuk: (a) Menguruskan pembayaran, yuran dan caj (b) Mengumpul atau memulih kembali wang yang terhutang kepada kami (c) Menyediakan anda dengan bantuan pelanggan	(a) Identiti dan Profil (b) Maklumat hubungan (c) Kewangan dan Transaksi (d) Pemasaran	(a) Pelaksanaan kontrak dengan anda (b) Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk memulih kembali hutang yang terhutang kepada kami)
Untuk menguruskan hubungan kami dengan anda yang akan termasuk: (a) Maklumkan anda tentang perubahan kepada terma dan syarat, kontrak atau dasar privasi, dasar cookie atau notis-notis (b) Meminta anda untuk meninggalkan ulasan atau kaji selidik. (c) Untuk tujuan penilaian prestasi anda sebagai calon untuk sesuatu jawatan dengan kami, atau aplikasi anda sebagai seorang pembekal atau Charger	(a) Identiti dan Profil (b) Maklumat hubungan (c) Kewangan dan Transaksi (d) Pemasaran	(a) Pelaksanaan kontrak dengan anda (b) Diperlukan untuk mematuhi obligasi di sisi undang-undang. (c) Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk menyimpan rekod-rekod dikemaskini dengan mengkaji cara pelanggan menggunakan produk/perkhidmatan kami atau kesesuaian anda untuk sesuatu jawatan dengan kami, atau sebagai seorang Charger atau pembekal untuk kami).
Untuk mentadbir dan melindungi perniagaan dan laman web atau applikasi kami (termasuk penyelesaian masalah, analisa data, ujian, system penyelenggaraan, sokongan, pelaporan dan data hosting)	(a) Identiti dan Profil (b) Maklumat hubungan (c) Teknikal	(a) Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk menjalankan perniagaan, peruntukan pentadbiran dan servis IT, sekuriti rangkaian, untuk menghalang penipuan atau dalam konteks pengorganisasian perniagaan atau penyusunan semula kumpulan atau jualan kami atau mana-mana bahagian kami kepada orang lain atau subkontrak mana-mana perkhidmatan kami)

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

		(b) Diperlukan untuk mematuhi obligasi di sisi undang-undang.
Untuk menyampaikan kepada anda laman web yang berkaitan, kandungan aplikasi, dan iklan, dan untuk mengukur atau memahami keberkesanan pengiklanan yang kami sediakan untuk anda.	(a) Identiti dan Profil (b) Maklumat hubungan (c) Penggunaan (d) Pemasaran (e) Teknikal	Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk mengkaji bagaimana pelanggan-pelanggan menggunakan perkhidmatan atau cara-cara pembekal, pemohon, atau Charger kami membekalkan atau akan membekalkan produk/perkhidmatan, untuk mengembangkannya, untuk memaklumkan strategi pemasaran kami, dan untuk mencari calon-calon yang sesuai untuk jawatan-jawatan tertentu dan untuk penilaian mereka.
Untuk menggunakan data analisis untuk memperbaiki laman web dan aplikasi, produk/perkhidmatan, pemasaran, serta hubungan dan pengalaman pelanggan kami.	(a) Teknikal (b) Penggunaan	Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk mentakrifkan jenis-jenis pelanggan untuk produk-produk dan perkhidmatan kami, atau pemohon, atau Charger-Charger yang diperlukan untuk membekalkannya, untuk memastikan laman web dan aplikasi kami dikemaskinikan dan berkaitan, untuk mengembangkan perniagaan kami dan untuk memaklumkan strategi pemasaran dan perniagaan kami)
Untuk mencadangkan kepada anda produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda atau jawatan-jawatan kosong dan juga untuk membantu anda dalam carian jawatan yang sesuai dengan kami atau untuk membekalkan anda dengan berita-berita berkaitan.	(a) Identiti dan Profil (b) Maklumat hubungan (c) Teknikal (d) Penggunaan	Diperlukan untuk Kepentingan Sah kami (untuk mengembangkan produk/perkhidmatan kami dan mengembangkan perniagaan kami)

Untuk tujuan/aktiviti seperti yang dinyatakan di atas, kami boleh berkongsi Data Peribadi anda dengan pihak ketiga seperti mana yang dinyatakan di bawah untuk tujuan yang dinyatakan di jadual di atas.

- Pihak Ketiga Dalaman seperti yang dinyatakan di dalam Glosari.
- Pihak Ketiga Luaran seperti yang dinyatakan di dalam Glosari.
- Pihak-pihak ketiga yang kami mungkin memilih untuk menjual, memindah, atau menggabung bahagian-bahagian perniagaan kami atau aset-aset kami. Sekiranya berlakunya sebarang perubahan kepada perniagaan kami, maka pemilik-pemilik baru boleh menggunakan Data Peribadi anda dalam cara yang sama seperti yang dinyatakan dalam notis privasi ini.
- Sesiapa jua yang kami diwajibkan atau dikehendaki untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai tindak balas terhadap sebuah agensi yang kompeten atau agensi kerajaan atau perintah

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

kehakiman atau di mana adalah diperlukan, untuk melindungi, mempertahankan atau menguatkuasa hak-hak Kumpulan Beam.

Kami memerlukan semua Pihak-pihak Ketiga untuk memperlakukan Data Peribadi anda selaras dengan undang-undang.

Kami boleh menggunakan pembuat keputusan automatik, termasuk pemprofilan, dalam keadaan-keadaan yang tertentu, sebagai contoh ketika ia adalah dalam Kepentingan Sah kami untuk berbuat demikian, ataupun di mana kami mempunyai hak untuk berbuat demikian kerana ia adalah wajib untuk kami bagi memasuki, dan melaksanakan sebuah kontrak dengan anda. Kami menggunakan pemprofilan untuk membolehkan kami memberi anda perkhidmatan yang terbaik di seluruh Kumpulan Beam, termasuklah pemasaran spesifik yang kami percaya akan menarik minat anda. Anda mempunyai hak untuk tidak tertakluk kepada keputusan yang hanya berdasarkan pemprosesan automatik, termasuk pemprofilan, yang mempunyai kesan-kesan undang-undang untuk anda atau mempengaruhi anda dengan cara lain yang penting. Sekiranya anda ingin melaksanakan hak ini, sila hubungi kami di dpo@ridebeam.com.

Sekiranya anda ditemu duga atau aplikasi anda dihantar sebagai calon untuk jawatan dengan kumpulan kami, maka ini mungkin melibatkan pemprosesan Data Peribadi yang lebih terperinci termasuk data sensitif seperti kesihatan, informasi bangsa atau etnik anda yang diberikan oleh anda atau orang-orang lain. Informasi tersebut mungkin diperlukan untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu yang anda ingin memohon berdasarkan undang-undang yang terpakai di bidang kuasa yang anda menetap, yang boleh membekalkan dasar undang-undang untuk pemprosesan data-data tersebut. Sekiranya tiada dasar undang-undang, kami akan mendapatkan persetujuan nyata anda secara lisan, melalui emel atau melalui proses dalam talian untuk aktiviti tertentu di mana kami perlukan persetujuan dan akan merekod tindak balas anda. Di mana persetujuan adalah dasar sah untuk pemprosesan kami, anda mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda kepada pemprosesan ini seperti yang tertera dalam seksyen Hak privasi anda di bawah.

9. Pemasaran dan promosi-promosi daripada kami atau Pihak-pihak Ketiga

Kami boleh menggunakan Identiti dan Profil anda, Maklumat Hubungan, Teknikal, Pemasaran atau Penggunaan Data untuk menjana pandangan tentang apa yang kami fikir anda mungkin mahu atau perlukan, atau apa yang mungkin menarik minat anda atau pembekal atau perkhidmatan Charger yang mungkin diperlukan. Inilah cara kami memutuskan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan tawaran-tawaran yang mungkin berkaitan untuk anda.

Anda akan menerima komunikasi-komunikasi pemasaran daripada kami sekiranya anda pernah meminta informasi daripada kami atau membeli produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan daripada kami, berdaftar dengan kami sebagai pelanggan, pembekal atau Charger atau sekiranya anda telah memberikan maklumat anda kepada kami ketika anda memasuki pertandingan atau telah mendaftar untuk promosi dan, anda belum menarik diri daripada penerimaan pemasaran tersebut.

Kami akan mendapatkan persetujuan nyata (*opt-in*) anda sebelum kami berkongsi Data Peribadi anda dengan mana-mana Pihak Ketiga di luar syarikat-syarikat kumpulan Beam untuk tujuan pemasaran.

10. Menarik diri daripada pemasaran dan promosi-promosi

Anda boleh pada bila-bila masa meminta kami atau Pihak-Pihak Ketiga untuk hentikan penghantaran mesej-mesej pemasaran kepada anda melalui pautan-pautan menarik diri yang sedia ada pada mesej-mesej pemasaran yang dihantar kepada anda atau dengan menghubungi dpo@ridebeam.com. Di mana anda menarik diri daripada menerima mesej-mesej pemasaran ini, ini tidak akan terpakai terhadap Data Peribadi yang diberikan kepada kami sebagai kesan sesebuah produk/pembelian perkhidmatan, waranti pendaftaran, produk/pengalaman perkhidmatan atau transaksi-transaksi yang lain.

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

11. Cookie

Anda boleh menetapkan pelayar internet anda untuk menolak semua atau beberapa cookie, atau untuk memberi notifikasi kepada anda apabila laman web telahpun ditetapkan atau boleh akses sila mengambil perhatian bahawa sesetengah bahagian laman web kami mungkin tidak boleh diakses atau tidak berfungsi dengan memuaskan. Untuk maklumat lanjut mengenai cookie yang kami gunakan, sila rujuk kepada Dasar Cookie kami yang boleh didapati di www.ridebeam.com.

12. Pemindahan antarabangsa

Kami berkongsi Data Peribadi anda dalam Kumpulan Beam. Ini mungkin melibatkan mendedah, memindah, menyimpan, memproses dan/atau berurusan dengan data anda di negara-negara lain, daripada negara di mana Data Peribadi anda dikumpulkan.

Kebanyakan pihak ketiga luar kami didasarkan di luar negara di mana Data Peribadi anda dikumpulkan dan disebabkan itu, pemprosesan Data Peribadi anda akan melibatkan pemindahan data di peringkat antarabangsa atau seperti yang dinyatakan dalam bahagian Bidang Kuasa Lain di bawah.

Apabila kami memindahkan Data Peribadi anda di peringkat antarabangsa, kami memastikan bahawa tahap perlindungan yang sama akan diberikan seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang negara di mana Data Peribadi dikumpulkan.

Sila hubungi dpo@ridebeam.com sekiranya anda ingin maklumat lanjut tentang mekanisme khusus yang kami gunakan apabila memindahkan Data Peribadi anda ke luar negara di mana ia dikumpulkan.

13. Keselamatan data

Kami mempunyai langkah-langkah keselamatan yang bertujuan untuk menghalang Data Peribadi anda daripada hilang, digunakan atau diakses dengan cara tidak sah, diubah atau didedahkan. Kami mengehadkan akses kepada Data Peribadi anda kepada pekerja, ejen, kontraktor dan Pihak Ketiga lain yang mempunyai perniagaan perlu tahu bahawa where mereka dikehendaki menyimpannya secara sulit.

Kami mempunyai prosedur untuk menangani mana-mana pelanggaran Data Peribadi dan akan memaklumkan kepada anda dan mana-mana pengawal penyelia privasi berkenaan di mana kami mempunyai kewajipan undang-undang untuk berbuat demikian.

14. Tempoh kami akan menyimpan Data Peribadi anda

Kami hanya akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan, termasuk untuk tujuan mematuhi kehendak undang-undang, perakaunan atau keperluan pelaporan.

Untuk menentukan tempoh yang sesuai untuk menyimpan Data Peribadi, kami mempertimbangkan jumlah, sifat dan kepekaan Data Peribadi tersebut, risiko mudarat yang berpotensi daripada penggunaan atau pendedahan Data Peribadi anda yang tidak sah, tujuan-tujuan kami memproseskan Data Peribadi anda dan sama ada kami boleh mencapai tujuan-tujuan tersebut melalui cara yang lain, dan keperluan undang-undang yang terpakai.

Dari segi undang-undang kami perlu menyimpan maklumat asas pelanggan-pelanggan dan pembekal-pembekal kami (termasuk Identiti Hubungan, Kewangan, dan Data Urus Niaga) untuk tempoh minimum (secara amnya sehingga enam tahun) selepas mereka berhenti menjadi pelanggan-pelanggan dan pembekal-pembekal untuk tujuan-tujuan cukai.

Dalam beberapa keadaan, anda boleh bertanya kepada kita untuk memadam data anda: sila lihat "*Request erasure*" di bawah untuk maklumat lanjutan.

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

15. Hak privasi anda

Dalam beberapa keadaan, anda mempunyai hak di bawah undang-undang terpakai berkaitan dengan Data Peribadi anda.

Sila hubungi dpo@ridebeam.com sekiranya anda ingin menggunakan mana-mana hak privasi anda.

Anda tidak perlu membayar bayaran untuk mengakses Data Peribadi anda (atau untuk menggunakan hak privasi anda yang lain) tetapi kami mungkin akan mengenakan bayaran yang munasabah sekiranya permintaan anda tidak mempunyai dasar undang-undang, berulang-ulang ataupun melampau. Dalam alternatif, kami mungkin akan enggan mematuhi permintaan anda dalam keadaan ini.

Kami mungkin perlu meminta maklumat khusus daripada anda untuk membantu kami mengesahkan identiti anda dan untuk memastikan hak anda untuk mengakses Data Peribadi anda (atau untuk menggunakan hak privasi anda yang lain). Ini adalah salah satu langkah keselamatan untuk memastikan Data Peribadi tidak didedahkan kepada seseorang yang tidak mempunyai hak untuk menerimanya. Kami mungkin juga akan menghubungi anda untuk meminta maklumat lanjutan berkaitan dengan permintaan anda untuk mempercepatkan balasan kami.

Kami akan cuba bertindak balas kepada semua permintaan yang sah dalam tempoh sebulan. Kadang-kadang, kami memerlukan masa yang lebih lama daripada sebulan sekiranya permintaan anda sangat kompleks atau anda telah membuat beberapa permintaan. Dalam kes ini, kami akan memberitahu dan mengemaskinikan anda. Hak privasi anda termasuk hak anda untuk menerima informasi yang jelas, telus, dan mudah difahami tentang cara-cara kami menggunakan informasi dan hak anda yang dinyatakan berikut:

Meminta akses kepada Data Peribadi anda (juga dikenali sebagai 'permintaan akses subjek data'). Ini membolehkan anda untuk menerima salinan Data Peribadi anda yang kami pegang dan untuk memastikan bahawa kami memprosesnya secara sah.

Meminta pembetulan Data Peribadi anda yang kami pegang. Ini membolehkan anda mempunyai sebarang data anda yang kami pegang yang tidak lengkap atau tidak tepat diperbetulkan, walaupun kami mungkin perlu mengesahkan ketepatan data baru yang anda berikan kepada kami.

Meminta pemadaman Data Peribadi anda. Ini membolehkan anda meminta kami untuk memadamkan atau mengeluarkan Data Peribadi di mana tidak ada sebab yang baik untuk kami meneruskan prosesnya. Anda juga berhak meminta kami untuk memadamkan atau mengeluarkan Data Peribadi anda di mana anda telah berjaya melaksanakan hak anda untuk membantah pemprosesan (lihat di bawah), di mana kami mungkin telah memproses maklumat anda secara tidak sah atau di mana kami dikehendaki memadamkan Data Peribadi anda untuk mematuhi undang-undang yang terpakai. Walau bagaimanapun, sila maklum bahawa kami mungkin tidak dapat mematuhi permintaan anda untuk memadamkan atas alasan undang-undang khusus yang akan dimaklumkan kepada anda, sekiranya berkenaan, pada masa permintaan anda.

Membantah pemprosesan Data Peribadi anda di mana kami bergantung pada Kepentingan Sah (atau pihak ketiga) dan ada sesuatu keadaan anda tertentu yang membuat anda ingin membantah pemprosesan dengan alasan ini kerana anda berasa ia memberi kesan kepada hak asas dan kebebasan anda. Anda juga berhak membantah di mana kami memproses Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung. Dalam beberapa kes, kami mungkin menunjukkan bahawa kami mempunyai alasan yang sah untuk memproses maklumat anda yang mengatasi hak dan kebebasan anda.

Meminta sekatan pemprosesan Data Peribadi anda. Ini membolehkan anda meminta kami untuk menggantung pemprosesan Data Peribadi anda dalam senario berikut: (a) sekiranya anda mahu kami menubuhkan ketepatan data; (b) di mana penggunaan data kami menyalahi undang-undang tetapi anda tidak mahu kami memadamkannya; (c) di mana anda memerlukan kami memegang data walaupun kami tidak memerlukannya lagi kerana anda memerlukannya untuk menubuhkan, menjalankan atau mempertahankan tuntutan guaman; atau (d) anda telah membantah penggunaan data kami tetapi kami perlu mengesahkan sama ada kami mempunyai alasan yang sah yang mengatasi hak anda untuk menggunakannya.

Meminta permindahan Data Peribadi anda kepada anda atau parti ketiga. Kami akan membekal kepada anda, atau parti ketiga yang dipilih oleh anda, Data Peribadi anda dalam format yang berstruktur, biasanya digunakan,

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

boleh dibaca oleh mesin. Ambil perhatian bahawa hak tersebut hanya dipakai untuk informasi automatik yang anda pada mulanya memberikan persetujuan kepada kami untuk menggunakannya atau dimana kami menggunakan informasi tersebut untuk melaksanakan kontrak dengan anda.

Menarik balik persetujuan pada bila-bila masa dimana kami bergantung pada persetujuan untuk memproses Data Peribadi anda. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menjejaskan undang-undang atas apa-apa pemprosesan yang dijalankan sebelum anda menarik balik persetujuan anda. Sekiranya anda menarik balik persetujuan anda, kami mungkin tidak dapat membekalkan produk tertentu atau servis kepada anda. Kami akan menasihati anda sekiranya ini adalah kesnya pada masa anda menarik balik persetujuan anda.

16. Glosari

Kepentingan Sah bermakna kepentingan perniagaan kami dalam menjalankan dan menguruskan perniagaan kami untuk membolehkan kami memberi anda perkhidmatan / produk yang terbaik dan pengalaman yang terbaik dan paling selamat. Kami memastikan bahawa kami akan mempertimbangkan dan mengimbangkan apa-apa kesan berpotensi kepada anda (kedua-dua positif dan negatif) dan hak anda sebelum kami memproses Data Peribadi anda untuk Kepentingan Sah kami. Kami tidak menggunakan Data Peribadi anda untuk aktiviti di mana kepentingan kami ditindih oleh kesan kepada anda (melainkan sekiranya kami mempunyai persetujuan anda atau yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang). Sila hubungi dpo@ridebeam.com sekiranya anda ingin maklumat lanjut mengenai bagaimana kami menilai Kepentingan Sah kami terhadap apa-apa kesan berpotensi kepada anda berkenaan dengan aktiviti-aktiviti tertentu.

Pelaksanaan Kontrak bermakna memproses data anda yang diperlukan untuk pelaksanaan kontrak di mana anda menjadi pihak atau mengambil langkah atas permintaan anda sebelum memasuki kontrak tersebut.

Data Peribadi bermakna apa-apa maklumat mengenai individu yang mana individu tersebut boleh dikenalpasti. Ia tidak termasuk data di mana identiti telah dialih keluar (data tanpa nama).

Pihak Ketiga Dalam

Syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan Beam seperti yang dinyatakan di www.ridebeam.com.

Pihak Ketiga Luaran

Pembekal perkhidmatan yang bertindak sebagai pemproses (yang mungkin berpusat di negara-negara di mana kita beroperasi seperti yang tertera di www.ridebeam.com, atau di bahagian bidang kuasa yang lain di bawah, atau di negara-negara lain) yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan IT dan sistem pentadbiran.

Penasihat profesional yang bertindak sebagai pemproses atau pengawal termasuk peguam, bank, juruaudit, konsultan, akauntan, penanggung insurans, penyemak rujukan, atau penasihat-penasihat kewangan atau professional lain-lain (yang mungkin berpusat di negara-negara yang kami beroperasi seperti yang tertera di www.ridebeam.com, atau di bahagian bidang kuasa yang lain di bawah, atau di negara-negara lain) yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perundangan, perbankan, undang-undang, insurans, gaji atau perakaunan, dan semakan rujukan.

17. Bahagian Bidang Kuasa yang Lain

Sekiranya laman web atau aplikasi kami digunakan oleh individu di mana-mana negara yang disenaraikan di bawah, istilah di bawah akan diguna pakai sebagai dimana mempunyai kaitan.

Malaysia

Bagi tujuan notis privasi ini, "**Data Peribadi**" akan dianggap mempunyai makna yang diberikan kepada istilah "**data peribadi**" di bawah *Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010* (pada masa ini, ini ditakrifkan sebagai bermaksud sebarang maklumat dalam pemilikan atau kawalan kami yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada individu setakat mana individu itu boleh dikenalpasti dari maklumat itu atau boleh

NOTIS PRIVASI BEAM BERTARIKH 29 NOVEMBER 2018

dikenal pasti melalui maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milik kami serta Data Peribadi Sensitif seperti yang ditakrifkan di bawah PDPA, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental subjek data dan kepercayaan agama.) Notis privasi ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat ketidakkonsistenan antara kedua-dua ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.